

# CABARAN DALAM MENGETENGAHKAN KAJIAN ANGKA SEBAGAI MUKJIZAT AL-QUR'AN<sup>⊙</sup>

*(Challenges in Figure's Study as Miracles of the Quran)*

Abu Zaki<sup>1</sup> & Mohd Yakub @ Zulkifli<sup>2</sup>

## ABSTRACT

The study of numbers in the holy Quran was inspired from meditation of the Quran itself, which contains a wealth of wonders endlessly. It has to be addressed since the 5<sup>th</sup> Century AH. Then, new dimension emerge at the end of the 14<sup>th</sup> century AH (20<sup>th</sup> C. AD) after the Quran verses was numbered and the existence of computer technology. However, in order to raise the numeral miracles as part of the Quran miracles study, polemics arise, regarded with suspicion and opposition. Using the method of historiography, this study analyzed the internal and external challenges faced. The study found that assumptions whether the numeral miracles theory is an external influences is not true. There are three issues should be kept aside from the framework of Quranic miracles so it can be accepted as part of the miracles of Quran.

**Keywords:** *mukjizat angka, mukjizat al-Quran, i'jāz, quranic inimitability, quran miracle, numeral miracle..*

---

⊙ This article was submitted on: 06/01/2016 and accepted for publication on: 29/05/2016.

<sup>1</sup> Abu Zaki, Calon PhD di Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Academy of Islamic Studies, UM.

<sup>2</sup> Zulkifli, Academy of Islamic Studies, UM, Malaysia, zulkifliy@gmail.com

## ABSTRAK

Kajian angka dan bilangan dalam Al-Quran terinspirasi dari *tadabbur* terhadap Al-Quran sendiri yang mengandungi pelbagai keajaiban tanpa henti. Ia sudah diberi perhatian sejak abad ke-5 Hijrah lagi. Ia mendapat dimensi baru pada penghujung kurun ke-14 Hijrah (abad ke-20 Masihi) selepas penomboran ayat-ayat Al-Quran dan kewujudan teknologi komputer. Namun, timbul polemik dalam usaha mengangkat kajian angka sebagai mukjizat Al-Quran sehingga ia dipandang serong dan ditentang. Dengan menggunakan metode pensejarahan, kajian ini menganalisis cabaran dalaman dan luaran yang dihadapi. Hasilnya, kajian ini mendapati anggapan bahawa teori mukjizat angka datang dari luar adalah tidak benar. Terdapat tiga isu perlu dikeluarkan dari kerangka mukjizat angka agar ia dapat diterima sebagai sebahagian dari *i'jāz* Al-Quran.

**Kata Kunci:** *mukjizat angka, mukjizat al-Quran, i'jāz, quranic inimitability, quran miracle, numeral miracle.*

## PENGENALAN

Kajian angka merupakan salah satu cabang kajian al-Qur'an yang turut mengayakan khazanah ulum al-Qur'an terutama dalam konteks *i'jaz*. Namun, tidak mudah untuk para sarjana menerima masuk kajian angka dan teori *i'jaznya* ke dalam lingkungan mukjizat kerana beberapa faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman adalah isu kaedah kiraan dan justifikasi mukjizat, manakala faktor luaran adalah hubungan dan kaitan kajian angka dengan ajaran agama dan fahaman lain. Namun begitu, sesetengah penemuan angka dalam al-Qur'an memang tidak dapat dinafikan mengandungi nilai atau sekurang-kurangnya isyarat yang menarik perhatian pembaca dan pengkaji al-Qur'an. Oleh itu, pendekatan yang mahu mengeneipkan kajian angka dan konsep mukjizatnya begitu sahaja adalah tidak wajar. Sebaliknya pula, menerima segala-gala kajian angka tanpa garis panduan atau disiplin khusus hanya menyebabkan kalangan yang bersikap kritis akan terus menolaknya mentah-mentah. Oleh itu, analisis terhadap cabaran-cabaran dalam mengangkat kajian angka ke tahap mukjizat tentu dapat menimbulkan sikap objektif, kritis dan adil dalam menghargai perkara yang berkait dengan wahyu ilahi ini.

Penulis telah menghimpunkan penulisan tentang mukjizat angka sama ada yang menerima atau menolaknya. Data-data mengenainya diperolehi dari penulisan tentang mukjizat angka, teori *i'jāz* Al-Quran secara umum. Tumpuan adalah kepada komentar menyokong dan mengkritik mukjizat angka, bukan kepada hasil kajian angka yang diketengahkan. Pandangan-pandangan mengenainya disusun mengikut zaman agar kronologinya dapat dilihat dari semasa ke semasa.

## KAJIAN ANGKA DAN MUKJIZAT ANGKA

Kajian bermaksud kegiatan, usaha dan proses menyelidik dan meneliti dengan mendalam atau terperinci.<sup>1</sup> Angka pula bererti tanda atau lambang yang menunjukkan bilangan atau jumlah sesuatu. Ia sinonim dengan nombor (Bahasa Inggeris: *number*)<sup>2</sup>.

Oleh itu, kajian angka bermaksud apa sahaja penyelidikan yang berkenaan dengan angka, bilangan, jumlah, susunan dan keseimbangan. Manakala kajian angka dalam al-Qur'an pula dapat difahami sebagai penyelidikan yang berkenaan dengan nombor yang disebut dalam al-Qur'an, bilangan yang terhasil dari kiraan ayat, kalimah, huruf serta kedudukan dan susunan dalam al-Qur'an.

Mukjizat pula adalah kalimah bahasa Arab dalam bentuk *fa'il* (pelaku). Ia berasal dari kata kerja *a'jaza* (أعجز) yang bererti melemahkan. Mukjizat adalah kejadian (dan perkara - penulis) luar biasa kurniaan Allah kepada para nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran mereka.<sup>3</sup> Dalam konteks kajian ini, makna yang digunakan merujuk kepada kata terbitan dari kata dasar yang sama iaitu *i'jaz*. Justeru, makna mukjizat yang dimaksudkan adalah kehebatan dan keajaiban yang melemahkan orang lain untuk menirunya. Bila disebut mukjizat angka dalam al-Qur'an pula, ia bermaksud keajaiban dan kehebatan berkenaan dengan nombor yang disebut dalam al-Qur'an, bilangan yang terhasil dari kiraan ayat, kalimah, huruf serta kedudukan dan susunan dalam al-Qur'an.

Al-Qur'an sendiri mengungkap tentang pentingnya kiraan, bilangan dan angka. Ini termasuklah soal kiraan pusingan matahari dan bulan (وَجَعَلَ اللَّيْلَ سَكَنًا)

<sup>1</sup> Noesah Baharom (dkk), *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 560.

<sup>2</sup> *Ibid.*, 48.

<sup>3</sup> *Ibid.*, 905.

لَتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ (لَتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ), surah al-An'am: 96), kiraan tahun dan hisab (لَتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ), surah Yunus:5 dan al-Isra': 12), kiraan 'iddah isteri yang dicerai (لَتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ), surah al-Talaq: 1), hitungan setiap amalan dalam buku catatan amal (لَتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ), surah al-Kahf: 49), kiraan tempoh pemuda Kahfi berada dalam gua (لَتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ), surah al-Kahf: 12), kiraan jumlah makhluk satu persatu (لَقَدْ أَحْصَاهُمْ وَعَدَّهُمْ عَدًّا), Maryam: 94) dan lain-lain.

Bahkan, ketelitian kiraan itu dapat dilihat ketika al-Qur'an menceritakan kisah Ashab al-Kahf dan tempoh mereka tidur di dalam gua. Firman Allah SWT dalam surah al-Kahf, ayat 25:

{ وَلَبِثُوا فِي كَهْفِهِمْ ثَلَاثَ مِئَةٍ سِنِينَ وَازْدَادُوا تِسْعًا }

Maksudnya: "Dan mereka telah tinggal tidur dalam gua mereka tiga ratus tahun, dan mereka menambah sembilan lagi."

Menurut beberapa tafsir termasuk *Tafsir Ibn Kathir*, tempoh mereka tidur adalah tiga ratus tahun pada kiraan kalendar matahari (Gregorian) dan tiga ratus sembilan tahun pada kiraan kalendar bulan (Lunar).<sup>1</sup> Ini menunjukkan ketelitian kalimah dan bilangan telah diambil kira dalam kalam Allah, dalam hadis Rasulullah SAW dan dalam tafsiran para ulama terdahulu.<sup>2</sup>

*Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* menterjemah dan mentafsirkan ayat tersebut seperti berikut:

"Dan mereka telah tinggal tidur dalam gua mereka tiga ratus tahun (dengan kiraan ahli Kitab), dan mereka menambah sembilan lagi (dengan kiraan kamu)."<sup>3</sup> 'Kiraan ahli kitab' adalah kalendar Masihi yang berdasarkan kiraan matahari (kiraan bumi mengelilingi matahari dengan jumlah 365 hari setahun). Manakala 'kiraan kamu' adalah kiraan para sahabat atau kalendar masyarakat Arab ketika al-Qur'an diturunkan,

<sup>1</sup> Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* (t.t.: Dar Tayyibah, 1999), 5: 150.

<sup>2</sup> Hasan 'Abd al-Jalil 'Abd al-Rahim 'Aliyy al-'Abadilah, Ta'sil Fikrah al-I'jaz al-'Adadi fi al-Qur'an al-Karim, *Majallah al-Jami'ah al-Islamiyyah* (Gaza: Majallah al-Jami'ah al-Islamiyyah, 2011, al-Mujallad 19, Jun), 96. <http://www.iugaza.edu.ps/ar/periodical/> dan <http://library.tafsir.net/book/4786>.

<sup>3</sup> Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan ar-Rahman* (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1995), 722.

iaitu berdasarkan kiraan bulan (bulan mengelilingi matahari dua belas kali dikira setahun dengan jumlah 355 hari).

Dengan itu, dapatlah kita fahami bahawa aktiviti menghitung dan mengira yang berkaitan dengan al-Qur'an telah lama dilakukan sebagai menyahut tuntutan mentadabbur ayat al-Qur'an. Tambahan lagi, kita menyedari bahawa al-Qur'an itu telah dijamin oleh Allah SWT bersih dan selamat dari segala kecacatan dan kekurangan. Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa', ayat 82:

{أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْقُرْآنَ وَلَوْ كَانُ مِنْ عِنْدِ عَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا}

Maksudnya: "Patutkah mereka tidak mahu mentadabbur (memikirkan isi) Al-Quran? Kalaulah Al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati banyak perselisihan di dalamnya."

Firman Allah SWT dalam surah Fussilat, ayat 42:

{لَا يَأْتِيهِ الْبَاطِلُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ تَنْزِيلٌ مِنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ}

Maksudnya: "(Al-Qur'an) itu tidak dapat didatangi sebarang kepalsuan dari (mana-mana arah), depan mahupun belakang; ia diturunkan dari Tuhan Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Terpuji."

Kajian angka dalam al-Qur'an merupakan sebahagian dari aktiviti ilmiah yang dilaksanakan terhadap kitab suci ini. Ia merangkumi aspek pengiraan dan penafsiran berdasarkan kiraan. Pengiraan yang dimaksudkan adalah usaha membilang ayat, kalimah atau huruf seperti yang dilakukan oleh ulama *al-'adad*. Manakala penafsiran berdasarkan kiraan yang dimaksudkan adalah tafsiran tentang sesuatu ayat atau perkara di dalam Al-Quran yang dikaitkan dengan bilangan atau kedudukan ayat berkenaan, kalimahnyanya atau huruf yang membentuk kalimah berkenaan.

Pemerhatian terhadap kronologi kajian angka mendorong penulis untuk mengenal pasti asal-usulnya. Beberapa penulisan telah mengenalpasti asal-usul kajian angka dengan menghimpunkan unsur kajian angka dan kiraan sekaligus dalam perbahasan yang sama. Penulis pula melihat keperluan analisis dan pembahagian asal-usul kajian angka kepada tiga peringkat, iaitu:

- i. Asal-usul bilangan dalam al-Qur'an
- ii. Asal-usul tafsir berdasarkan angka dan bilangan
- iii. Asal-usul konsep mukjizat angka

## Asal-Usul Bilangan Dalam Al-Quran

Galakan untuk membaca dan mentadabbur al-Qur'an telah mendorong umat Islam untuk melihat segala aspek di dalam kitab suci itu termasuk bilangan dan angka. Terdapat data bilangan yang datang dari al-Qur'an dan Rasulullah SAW sendiri tetapi tidak menyeluruh pada setiap ayat dan surah al-Qur'an. Ia menjadi data yang bersifat *tawqifi* tanpa pertikaian. Sebagai contoh bilangan yang disebut oleh al-Qur'an sendiri bilangan ayat surah al-Fatihah iaitu tujuh ayat. Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr, ayat 87:

{وَلَقَدْ آتَيْنَاكَ سَبْعًا مِنَ الْمَثَانِي وَالْقُرْآنَ الْعَظِيمَ}

Maksudnya: "Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepadamu (Wahai Muhammad) tujuh ayat yang diulang-ulang bacaannya dan seluruh Al-Quran yang amat besar kemuliaan dan faedahnya."

Dalam konteks kajian ini, ayat di atas menjelaskan bahawa surah al-Fatihah adalah *al-sab' al-mathāni* iaitu tujuh ayat yang diulang-ulang bacaannya dalam solat saban hari. Cuma, terdapat perbezaan pendapat tentang tujuh ayat itu, sama ada termasuk Basmalah atau tidak.

Manakala bilangan yang disebut dalam hadis Rasulullah SAW pula adalah tiga puluh ayat pada surah al-Mulk sebagaimana dalam riwayat berikut:

عن أبي هريرة عن النبي (ص) قال: "إنَّ سورةً من القرآن ثلاثون آيةً شفعت لرجلٍ حتى عُفِرَ له وهي سورة تبارك الذي بيده الملك". (حديث حسن).

Maksudnya: *Dari Abu Hurairah RA dari Nabi SAW, sabdanya: Sesungguhnya ada satu surah dalam Al-Quran, tiga puluh ayat, ia akan memberi syafaat kepada seseorang sehingga dia diampunkan. Ia adalah surah tabārah al-ladhi biyadih al-mulk.*<sup>1</sup>

Selain dari ini, surah-surah lain dalam Al-Qur'an tidak dinyatakan jumlah ayatnya oleh Allah dan rasul-Nya. Ia dikira oleh para ulama berdasarkan ilmu *fawasil* iaitu ilmu tentang tempat berhenti bacaan.

Namun kiraan satu persatu pada ayat, kalimah bahkan huruf di dalam Al-Quran bukanlah perkara yang bertentangan dengan maksud Al-Quran. Berbeza dengan hadis yang diriwayatkan secara makna, Al-Quran diriwayatkan secara lafaz demi lafaz. Bahkan huruf demi huruf. Ini menjadikan kedudukan huruf, kalimah dan

<sup>1</sup> Riwayat al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Kitab Faḍā'il al-Qur'ān 'an Rasūl Allāh, Bāb Mā Jā'a fi Faḍl Sūrah al-Mulk, No. hadith 2816.

ayat Al-Quran dapat dibilang dengan jelas. Ketelitian pada setiap huruf ini dapat difahami dari hadis Rasulullah SAW. Sabda baginda:

"من قرأ حرفاً من كتاب الله فله به حسنة، والحسنة بعشر أمثالها. لا أقول الم حرف، ولكن ألف حرف، ولام حرف، وميم حرف" (رواه الترمذي، وقال حديث حسن صحيح غريب).

Maksudnya: "Sesiapa membaca satu huruf dari kitab Allah, maka baginya satu pahala dan satu pahala itu diganda sepuluh. Aku tidak katakan *Alif Lam Mim* sebagai satu huruf. Tetapi *alif* adalah satu huruf, *lam* satu huruf dan *mim* satu huruf." (Riwayat al-Tirmidhi).<sup>1</sup>

Hadis ini menunjukkan bahawa seluruh al-Qur'an, setiap surah, setiap ayat, setiap kalimah dan bahkan setiap hurufnya mempunyai nilai dan tujuan. Ketika menghuraikan hadis ini, Ibn 'Allan menyebut:

Sesiapa yg membaca satu huruf dari kitab Allah iaitu Al-Quran yang diturunkan ke atas Rasulullah SAW sebagai mukjizat dengan sependek-pendek surah, yang dijadikan ibadah dengan membacanya, maka baginya balasan kebaikan dari huruf yang dibaca itu; dan kebaikan yang dijadikan balasan itu adalah sepuluh ganda seumpamanya. Maka pembaca dibalas dengan satu huruf sepuluh pahala. Aku (Rasulullah SAW) tidak kata alif lam mim satu huruf (aku tidak katakan bahawa himpunan tiga huruf ini sebagai satu huruf), tetapi alif adalah satu huruf lam satu huruf dan mim satu huruf. Maka pembaca dibalas tiga puluh pahala.<sup>2</sup>

Hadis ini, selain menunjukkan kelebihan membaca Al-Quran, ia juga menunjukkan bahawa Al-Quran adalah kitab yang tersusun dengan teliti termasuk pada aspek bilangan. Dari sudut yang lain pula, penulis melihat antara hikmah adanya huruf-huruf awalan (*ahruf fawatih*) dalam beberapa surah adalah menunjukkan ketelitian Al-Quran dan kemudian mendorong kepada aktiviti pengiraan.

Para ulama sejak generasi awal Islam telah membuat hitungan terhadap bilangan surah, ayat, huruf dan titik dalam al-Qur'an, sebelum munculnya ulama yang mengkaji tentang rahsia di sebaliknya. Mereka dikenali sebagai ulama' *al-'adad*. Antara karya awal yang membicarakan bilangan-bilangan ini ialah '*Adad Ay al-Qur'an* oleh Ibn Manzur al-Daylami (m.207), *Tanzil al-Qur'an wa 'Adad Ayatihi wa Ikhtilaf al-Nass Fih* oleh Ibn Zanjalah (m.382).

<sup>1</sup> Riwayat al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Bab Ma Ja'a fi Man Qara'a Harfan Min al-Qur'an Ma Lahu Min al-Ajr, No. hadith 2835.

<sup>2</sup> Ibn 'Allān, *Dalil al-Fāliḥin* (Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 1998), 419.

Umumnya, al-Qur'an memiliki beberapa aspek yang dapat dikira dan menghasilkan bilangan. Seorang pengkaji boleh membilang surah, ayat, kalimah, huruf, titik atau melihat angka tertentu yang disebut dalam al-Qur'an. Namun, mengambil kira perbezaan qiraat, ilmu fawasil dan cabang-cabang lain dalam ulum Al-Quran, tidak ada bilangan tetap bagi ayat, kalimah dan huruf yang merangkumi seluruh al-Qur'an. Oleh itu, bilangan dalam al-Qur'an penulis bahagikan kepada dua kategori, iaitu *tawqifi* dan *ijtihadi* atau *qiyāsi*.

Kategori pertama adalah bilangan *tawqifi* dengan maksud ia adalah bilangan yang tetap dan tiada perbahasan atau perbezaan pendapat tentangnya kerana telah ditentukan oleh Allah atau dijelaskan oleh Rasulullah SAW seperti bilangan surah dan susunan surah. Dalam konteks ayat, ia ditentukan oleh riwayat tentang fasil ayat dari baginda SAW. Manakala kategori kedua adalah bilangan *ijtihadi* atau *qiyāsi* dengan maksud ia ditentukan oleh para ulama berdasarkan ijtihad mereka atau qiyas kepada ayat yang ditentukan oleh nas.<sup>1</sup>

Kiraan yang bersifat *tawqifi* adalah bilangan surah al-Qur'an iaitu sebanyak 114 surah. Begitu juga susunan surah yang bermula dengan surah al-Fatihah dan diakhiri dengan surah al-Nas. Walaupun terdapat sedikit pendapat berbeza mengenainya, ia telah diselaraskan melalui mushaf 'Uthmani yang telah menghimpunkan segala manuskrip dan pandangan berkenaan nas-nas al-Qur'an dan susunannya. Usaha Sayyidina 'Uthman ini dianggap telah menyatukan semua pandangan tersebut<sup>2</sup> dan isu-isu perbezaan riwayat atau pendapat tentang al-Qur'an telah diselesaikan. Jika pun ia tidak dapat memenuhi kriteria *tawqifi* secara menyeluruh, ia boleh diterima sebagai *tawfiqi* (dengan hidayah atau hasil ilham dari Allah SWT).

Manakala jumlah keseluruhan ayat al-Qur'an bukan bersifat *tawqifi* kerana wujudnya perbezaan pendapat tentang *fawasil* beberapa ayat. Ini telah menghasilkan jumlah bilangan ayat al-Qur'an yang berbeza antara para ulama. Terdapat 7 bilangan berbeza berdasarkan riwayat negeri iaitu 6217 (menurut Madani Awwal), 6214

<sup>1</sup> Muḥammad bin Muḥammad bin Suwaylim Abū Syuhbah, *al-Madkhal li Dirāsah Al-Qur'ān al-Karīm* (Qāhirah: Maktabah al-Sunnah, 2003), 312.

<sup>2</sup> Muḥammad Luṭfi al-Ṣibāgh, *Lamaḥāt fi 'Ulūm al-Qur'ān wa Ittijāhāt al-Tafsīr*, Talkhiṣ: Aḥmad Muḥammad Būqrin, (al-Maktab al-Islāmī, 1990), 8.



(menurut Madani Akhir), 6210 (menurut Makki), 6204 (menurut Basriyyun), 6226 (menurut Dimasyqi), 6232 (menurut Himsi) dan 6236 (menurut Kufi).<sup>1</sup>

Kesimpulannya, bilangan dalam al-Qur'an memang mempunyai asas dari al-Qur'an dan hadis. Kegiatan mengira telah dimulakan oleh para ulama *al-'adad*.

### Asal-Usul Tafsir Yang Dikaitkan Dengan Angka Dan Bilangan

Selain berlakunya aktiviti kiraan dan menghasilkan bilangan berkaitan Al-Quran, peringkat seterusnya dalam kajian angka adalah penggunaan bilangan dan angka dalam tafsiran atau usaha memahami dan menjelaskan maksud sesuatu ayat al-Qur'an. Sebelum kemunculan konsep *i'jaz 'adad* lagi, beberapa tafsiran yang dikaitkan dengan kiraan dan angka telah pun digunakan. Ia termasuk pada peringkat generasi awal lagi. Antaranya:

#### i. Tafsiran Sembilan Belas

Tafsiran secara kiraan (*'adadi*) paling awal adalah penafsiran Basmalah dalam surah al-Fatihah yang dikaitkan dengan ayat 30, surah al-Muddaththir {عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ}. Ia disandarkan kepada Ibn Mas'ud RA dan dicatatkan oleh al-Tha'labi (427H), al-Qurtubi (m. 671H) dan Ibn Kathir (774H) dalam tafsir mereka. Ia diriwayatkan oleh Waki' dari al-A'masy dari Abi Wa'il dari Ibn Mas'ud RA. Kata Ibn Mas'ud:<sup>2</sup>

مَنْ أَرَادَ أَنْ يُنَجِّيَهُ اللَّهُ مِنَ الزَّيَاةِ التَّسْعَةَ عَشَرَ فَلْيَقْرَأْ "بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ" لِيَجْعَلَ اللَّهُ تَعَالَى لَهُ بِكُلِّ حَرْفٍ مِنْهَا جُنَّةً مِنْ كُلِّ وَاحِدٍ. فَالْبِسْمَلَةُ تِسْعَةَ عَشَرَ حَرْفًا عَلَى عَدَدِ مَلَائِكَةِ أَهْلِ النَّارِ الَّذِينَ قَالَ اللَّهُ فِيهِمْ: "عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ" وَهُمْ يَقُولُونَ فِي كُلِّ أَفْعَالِهِمْ: "بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ" فَمِنْ هُنَا هِيَ قُوَّتُهُمْ، وَبِسْمِ اللَّهِ اسْتَضَلُّوا.

Maksudnya: "Sesiapa yang mahu diselamatkan oleh Allah dari malaikat Zabaniyah yang berjumlah 19 orang, hendaklah dia membaca {بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ}, agar Allah SWT menjadikan setiap hurufnya sebagai perisai untuknya dari setiap malaikat itu. Basmalah itu terdiri dari 19 huruf menyamai bilangan malaikat penjaga neraka yang difirmankan oleh Allah {عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ} – Di atasnya ada sembilan belas. Mereka

<sup>1</sup> 'Abd al-Fattah al-Qadi, *Nafa'is al-Bayan Syarh al-Fara'id al-Hisan fi 'Add Ay al-Qur'an* (Madinah: Maktabah al-Dār, 1975), 6-7.

<sup>2</sup> Al-Tha'labi, *al-Kasyf wa al-Bayan* (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 2002), 1: 91. Al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, Qāhirah: Dar al-Kutub al-Masriyyah, 1964), 1: 92. Ibn Kathir, *Tafsir Al-Qur'an al-'Azim* (t.pt: Dar Tayyibah, 1999), 1: 120.

mengucapkan *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* dalam setiap pekerjaan mereka. Itulah kekuatan mereka. Dengan Bismillah juga mereka menjadi lemas.”<sup>1</sup>

Riwayat ini menunjukkan bahawa pengiraan dalam al-Qur'an telah digunakan oleh generasi awal untuk menafsirkan ayat-ayatnya. Bahkan ia telah digunakan pada surah yang pertama iaitu al-Fatihah dan pada ayat serta surah antara yang terawal diturunkan, iaitu surah al-Muddaththir.

## ii. Penentuan Laylah al-Qadr

Tafsiran secara kiraan ini adalah penafsiran yang disandarkan kepada Ibn ‘Abbas RA tentang malam kebesaran (*laylah al-qadr*).<sup>2</sup> Ibn al-Jawzi (m. 597H) menukikkan hujah Ibn ‘Abbas bahawa kalimah *{سَلَامٌ}* dalam surah al-Qadr adalah kalimah ke-27.<sup>3</sup> Al-Zarqani (m.1122 H) pula mencatatkan pandangan yang sama tentang malam al-Qadr sebagai malam ke-27 berdasarkan kalimah *{هِيَ}* sebagai kalimah ke-27. Walau bagaimanapun, ia dikritik oleh Ibn Hazm dan Ibn ‘Atiyyah.<sup>4</sup>

Catatan yang ada dalam beberapa kitab tafsir seperti Tafsir al-Razi (m.606 H) dan syarah hadis seperti Syarh Al-Tahawi (m.321 H) adalah Ibn ‘Abbas mengkiaskan pandangannya bahawa malam al-Qadr adalah malam ke-27 dengan perkara lain. Menurut riwayat ini, Allah SWT sering menyebut bilangan 7. Dia mencipta 7 langit, dan 7 bumi, tanaman yang tumbuh di bumi juga 7,<sup>5</sup> menjadikan seminggu 7 hari, mencipta manusia melalui 7 peringkat, manusia memiliki 7 anggota, neraka juga 7, Dia

<sup>1</sup> Atau kekenyangan.

<sup>2</sup> Hasan ‘Abd al-Jalil ‘Abd al-Rahim ‘Aliyy al-‘Abadilah, Ta’sil Fikrah al-I’jaz al-‘Adadi fi al-Qur’an al-Karim, *Majallah al-Jami’ah al-Islamiyyah* (Gaza: Majallah al-Jami’ah al-Islamiyyah, 2011, al-Mujallad 19, Jun), 94.

Juga di <http://www.iugaza.edu.ps/ar/periodical/> dan <http://library.tafsir.net/book/4786>.

<sup>3</sup> Namun, perkiraan yang lebih tepat adalah kalimah *{هِيَ}*, iaitu gantinama bagi malam al-Qadr dalam surah itu adalah kalimah ke-27. Sedangkan kalimah *{سَلَامٌ}* pula adalah kalimah ke-26. Walau bagaimanapun, penghujahan yang lebih hampir adalah pada kalimah *{هِيَ}*, bukan *{سَلَامٌ}*.

<sup>4</sup> Al-Zarqani, Muhammad bin ‘Abd al-Baqi bin Yusuf, *Syarh al-Zarqani ‘ala Muwatta’ al-Imam Malik*, (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1411H), 2: 296.

<sup>5</sup> Berdasarkan ayat 27, surah ‘Abasa.

menjadikan tawaf, sa'i dan jumrah 7 kali. Maka, wajarlah malam al-Qadar juga malam ke 7 dari 10 terakhir Ramadan, iaitu malam ke 27.<sup>1</sup>

Ibn al-Jawzi juga mencatatkan pandangan ulama lain tentang malam ke-27 berdasarkan jumlah huruf dalam ungkapan *laylah al-Qadr* {ليلة القدر} adalah 9 huruf. Ungkapan *laylah al-Qadr* itu pula diulang tiga kali dalam surah al-Qadr. Jumlah 9 huruf didarab dengan 3 kali ungkapan itu berulang menghasilkan jumlah 27 juga.<sup>2</sup>

### iii. Tafsiran Seribu Bulan

Selain dari itu, penafsiran awal berkaitan kiraan juga ditemui dalam penafsiran ayat ke-3 surah ini tentang kelebihan malam al-Qadr melebihi seribu bulan. Kebanyakan tafsir hanya menghuraikan kelebihan atau pahala amalan pada malam itu melebihi pahala amalan selama seribu bulan. Namun, satu riwayat mengaitkan kiraan seribu bulan itu sebagai tempoh pemerintahan Bani Umayyah. Al-Tabari (m.310H) mencatatkan riwayat dari al-Qasim bin al-Fadl (m.167H), dari 'Isa bin Mazin, beliau telah berkata kepada al-Hasan bin 'Ali RA:

*“Wahai orang yang memalukan wajah kaum orang-orang beriman. Aku telah pergi menghadap lelaki ini (Mu'awiyah bin Abu Sufyan), lalu aku berbaiah kepadanya.”*

Lalu al-Hasan berkata: “Sesungguhnya Rasulullah SAW telah diperlihatkan di dalam mimpinya bahawa keluarga Umayyah (Bani Umayyah) telah menaiki mimbar baginda SAW seorang khalifah, demi seorang khalifah. Hal itu telah menjadikan baginda SAW merasa tidak selesa. Lalu Allah menurunkan firman-Nya {إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ} dan {إِنَّا} [إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ]. Seribu bulan (*alfi syahr*) itu adalah kerajaan Bani Umayyah.”

Kata al-Qasim: “Kami pun menghitung dan kami dapati tempoh umur kerajaan Bani Umayyah adalah 1000 bulan.”<sup>3</sup>

Secara zahir, kiraan itu tidak tepat kerana usia kerajaan Bani Umayyah adalah 92 tahun. Ia telah diasaskan oleh Mu'awiyah RA dengan penyerahan mandat kepadanya

<sup>1</sup> Al-Tahawi, *Syarah Musykil al-Athar* (T.tp: Mu'assasah al-Risalah, 1415H), 14: 370 dan al-Razi, *Mafatih al-Ghayb* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000), 32: 30.

<sup>2</sup> Ibn al-Jawzi, *Zad al-Masir fi 'Ilm al-Tafsir*, 6: 178.

<sup>3</sup> al-Tabari, *Jami' al-Bayan fi Ta'wil Ay al-Qur'an*, (Tahqiq Ahmad Muhammad Syakir), Mu'assasah al-Risalah, 2000), 24: 534. Namun, hadis tersebut pula dikritik sebagai munkar oleh Ibn Kathir dan al-Mizzi.

oleh al-Hasan bin 'Ali RA pada bulan Rabi'ul Akhir atau Jamadil Awal tahun 41 Hijrah<sup>1</sup> dan berakhir dengan kematian khalifah terakhirnya, Marwan al-Himar pada bulan Zulhijjah tahun 132 Hijrah.<sup>2</sup> Sedangkan 1000 bulan pula menyamai 83 tahun dan 4 bulan. Namun, penafsiran tersebut mengambil kira tempoh pemerintahan Abdullah bin al-Zubayr selama 9 tahun.<sup>3</sup> Dengan menolak tempoh 9 tahun ini, jadilah tempoh kekuasaan Bani Umayyah lebih kurang 83 tahun (menyamai 1000 bulan).

Apa yang menjadi fokus penulis adalah wujudnya penafsiran yang dikaitkan nombor dan bilangan pada peringkat awal seperti ini. Ini kerana kedudukan hadis dan penafsiran ini dipertikaikan. Namun penafsiran dan kiraan ini dilakukan oleh al-Qasim bin al-Fadl yang mati pada tahun 167H.<sup>4</sup>

### Konsep Mukjizat Angka

Konsep mukjizat angka bukan sekadar kiraan berkaitan al-Qur'an atau menafsirkan ayat dengan kaedah kiraan, sebaliknya, ia adalah idea bahawa al-Qur'an mengandungi kekuatan dan kehebatan dari segi bilangan dan keseimbangan. Kajian dan penulisan tentang mukjizat angka dengan maksud ini tidak ditemui pada karya-karya generasi awal Islam. Idea terawal dapat ditemui mengenainya adalah dari Ibn Suraqah (m. 410H) dalam abad ke-5 Hijrah<sup>5</sup>. Al-Suyūṭī (m. 911H) menukilkan kata-kata Ibn Suraqah dalam dua karyanya, *al-Itqan* dan *Mu'tarak al-Aqran*

“Antara aspek mukjizat al-Qur'an adalah apa yang disebut oleh Allah dalam al-Qur'an termasuk angka-angka hitungan, himpunan, pecahan/keelokan, darab, keserasian, keseragaman, kesinambungan, bahagi dua dan gandaan. Supaya para ilmuan yang mahir dengan hisab hitungan tahu bahawa Rasulullah SAW itu seorang yang benar

<sup>1</sup> Ibn Kathir, *Al-Bi'ayah wa al-Nihayah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1987), 8: 19.

<sup>2</sup> *Ibid*, 10: 48.

<sup>3</sup> Menurut setengah ulama termasuk Ibn Ḥazm, 'Abdullah bin al-Zubayr adalah khalifah yang sah. Beliau telah dibaiah oleh orang ramai pada bulan Rejab selepas kematian Yazid bin Mu'awiyah dan selepas umat Islam hidup tanpa khalifah selama 3 bulan. Lihat Ibn Kathir, 8: 242.

<sup>4</sup> Al-Bukhārī, *Al-Tarikh al-Saghir* (Lubnan: Dār al-Ma'rifah, 1986), 2: 155.

Al-Qasim meriwayatkan khabar tersebut dari Yusuf bin Mazin dan individu yang dimaksudkan oleh Ibn Kathir adalah al-Qasim bin al-Fadl al-Haddani (m.167H). Sedangkan al-Qasim bin al-Fadl al-Isbahani (m.489H) adalah tidak berkenaan.

<sup>5</sup> Beliau adalah Abu al-Hasan Muhammad bin Yahya bin Suraqah, digelar al-Hafiz al-'Allamah. Salah seorang imam dalam mazhab al-Syafi'i. Syams al-Din Al-Dhahabi, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1993), 17: 281.

ketika baginda mengatakan bahawa al-Qur'an itu bukan ciptaan baginda. Ini kerana baginda tidak pernah bergaul dengan ahli falsafah, tidak pernah berguru dengan ahli hisab hitungan mahupun pakar kejuruteraan.”<sup>1</sup>

Cetusan idea oleh tokoh seawal generasi kurun ke 5 Hijrah ini menunjukkan bahawa kajian angka dan teori mukjizat angka bukanlah sesuatu yang patut dianggap asing atau pelik, mahupun dianggap sebagai kesan pengaruh agama lain atau ajaran sesat yang mengkagumi angka. Ini kerana ajaran yang mengkagumi nombor seperti Baha'i hanya muncul pada kurun ke-12 Hijrah. Sebaliknya mukjizat angka adalah hasil pemerhatian dan *tadabbur* para ulama sendiri terhadap al-Qur'an. Dengan kata lain, dorongan kajian angka dan gagasan mukjizat angka sebenarnya lahir dalam lingkungan umat Islam sendiri.

Namun, kajian angka dengan tujuan menzahirkan kehebatan dan mukjizat al-Qur'an hanya ditemui dengan banyak dalam karya dan tulisan ulama mulai kurun ke-20 hingga kini. Hal ini berkait dengan perkembangan mushaf Al-Quran dan penomboran ayat-ayatnya. Pemerhatian penulis terhadap mushaf-mushaf klasik dalam simpanan Muzium Seni Islam Kuala Lumpur, Muzium al-Quran di Masjid Nabawi mendapati kesemuanya tidak dicatatkan nombor pada *fawasil* ayat. Ia hanya ditanda dengan simbol bulat kosong atau simbol bulat berisikan warna emas. Nombor-nombor ayat hanya mula digunakan pada mushaf mutakhir sekitar awal abad ke-20 Masihi atau penghujung abad ke-13 Hijrah.

Beberapa penulisan akademik meletakkan Badi' al-Zaman Sa'id Nursi (1878-1960) sebagai tokoh terawal pada era moden yang mengetengahkan kajian idea keajaiban angka walaupun beliau tidak menggunakan istilah khusus seperti *i'jaz 'adadi* atau *i'jaz raqami*. Melalui karyanya, Risalah Nur (*Rasa'il al-Nur*), beliau memuatkan kiraan lafaz-lafaz dalam al-Quran dan perkara lain yang berkait dengannya. Nursi membuat hitungan kalimah-kalimah tertentu seperti “al-Qur'an”, “al-Rasul”, “Allah”, “al-Rahman” dan “al-Rahim” serta membuat perbandingan. Dalam perbincangannya, beliau menyatakan bahawa seorang yang mengamati tertib susunan kalimah-kalimah ini akan dapat merasai unsur mukjizat pada lembaran-lembaran al-Qur'an.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Al-Suyuti, *Al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*, (t.pt: al-Maktabah al-Syāmilah, t.th), 2: 332. Juga al-Suyuti, *Mu'tarak al-Aqran fi I'jaz al-Qur'an*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1988), 1: 19.

<sup>2</sup> Lihat: Badi' al-Zaman Sa'id Nursi, *Majmu'ah al-Maktubat min Kulliyat Rasa'il al-Nur*, (terj. kepada Bahasa Arab oleh Mulla Muhammad Zahid Mulla Zakardi) (T.pt: Dar al-Afaq al-Jadidah, 1986) Bab 29, Bahagian ke 3, 531-534.

'Abd al-Razzaq Nawfal (1917-1984) pula diangkat sebagai tokoh penting selepas al-Nursi kerana beliau memperkenalkan istilah khusus bagi menunjukkan mukjizat angka. Beliau menulis 5 buah buku bersiri dengan judul Kitab Allah dan Sains Moden (*Kitab Allah wa al-'Ilm al-Hadith*) pada tahun 1956. Nawfal menyebut istilah itu secara jelas, bahkan dua buah bukunya diberi judul *al-I'jaz al-'Adadi li al-Qur'an* (1965-1987) dan *Mu'jizah al-Arqaam wa al-Tarqim fi al-Qur'an al-Karim* (1982).<sup>1</sup>

Tokoh seterusnya ialah Rasyad Khalifa (1935-1990) (seorang doktor falsafah dalam bidang kimia sintetik) dalam karyanya *Miracle of the Quran: Significance of the Mysterious Alphabets* (1973) dan *The Computer Speaks: God's Message to the World* (1981).<sup>2</sup> Beliau telah mencetuskan kontroversi dengan membuat ramalan tentang tarikh berlakunya kiamat dan menjadikan hasil kajiannya sebagai sandaran untuk mendakwa dirinya sebagai seorang rasul yang diutuskan Tuhan.<sup>3</sup> Tindakannya itu menjadi faktor utama munculnya penentangan keras secara umum dan fatwa sesat terhadap idea mukjizat angka.<sup>4</sup>

Selepas itu, kajian angka sering dipandang asing dan kadang-kadang dipandang serong oleh kaum Muslimin. Ia juga banyak dikaitkan dengan golongan pemuja nombor, ajaran sesat atau ajaran agama lain. Di kalangan masyarakat awam, perbincangan tentang mukjizat angka sering dikaitkan dengan Rasyad Khalifa. Ini juga dapat dilihat dalam catatan Ensiklopedia Bebas, Wikipedia. Hasil carian *i'jaz 'adadi* di laman itu dalam edisi

---

<sup>1</sup> Zulkifli Mohd Yusuf & Ahmad Qasim Kassar, *Manhajiyah al-Buhuth al-'Ilmiyyah fi al-I'jaz al-'Adadi li al-Qur'an al-Karim. Dirasah Wasfiyyah*, (Kuala Lumpur: Markaz Buhuth al-Qur'an, Jami'ah Malaya, 2010), 11.

Lihat juga 'Abd al-Qadir Husayn, *al-Qur'an I'jazuh wa Balaghatuh*, (T.tp: Matba'ah al-Amanah, 1975), 76. Juga *Al-Hiwar al-Mutamaddin Mubayl*, Banurama al-I'jaz al-'Adadi: Min al-Nursi ila Rasyad Khalifah wa I'jaz Mawqi' al-Arqaam, <http://m.ahewar.org/s.asp?aid=246681&r=50&cid=0&u=8&i=722&q=> (21 Mac 2012).

<sup>2</sup> *Miracle of the Quran: Significance of the Mysterious Alphabets* (St. Louis, Missouri: Islamic Productions, 1973) dan *The Computer Speaks: God's Message to the World*, (Tucson, Arizona: Renaissance Productions, 1981).

<sup>3</sup> Bassam Nihad Jarrar, *I'jaz al-Raqam 19 fi al-Qur'an al-Karim, Muqaddimat Tantazir al-Nata'ij*, al-Mu'assash al-Islamiyyah, (2004), Cet. 3, 21.

<sup>4</sup> Zulkifli Mohd Yusuf & Ahmad Qasim Kassar, *Manhajiyah al-Buhuth al-'Ilmiyyah fi al-I'jaz al-'Adadi li al-Qur'an al-Karim. Dirasah Wasfiyyah*, (Kuala Lumpur: Markaz Buhuth al-Qur'an, Jami'ah Malaya, 2010), 6.

bahasa Arabnya terus memaparkan nama dan karya Rasyad Khalifa tentang kajian angka.<sup>1</sup>

Justifikasi penolakan terhadap kajian angka al-Qur'an dan mukjizat angka banyak didasarkan kepada hasil kerja Rasyad Khalifa. Contohnya, Mustafa 'Umar 'Aliyy al-Kindi dalam disertasinya *Dirasat fi al-I'jaz al-'Adadi Bayn al-Madi wa al-Hadir fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah* (1989). Beliau menolak konsep mukjizat angka berdasarkan kesilapan Abd Razaq Nawfal dan penyelewengan Rashad Khalifa.

Kajian angka terus dilakukan oleh ramai penyelidik selepas mereka. Hasil penyelidikan telah diterbitkan dalam pelbagai bentuk termasuk buku, ensiklopedia, perisian komputer dan laman sesawang internet. Bahkan kursus intensif dan persidangan peringkat antarabangsa juga telah diadakan secara khusus bagi membincangkan topik ini. Persidangan pertama dan kedua telah diadakan di Rabat, Maghribi pada 7-9 November 2008 dan 16-17 Oktober 2010. Manakala persidangan yang ketiga telah diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia pada 22-23 September 2012.

Kajian menunjukkan bahawa asal usul kajian angka memang ada dalam al-Qur'an dan perkembangannya berlaku di kalangan umat Islam sendiri sebelum kemunculan fahaman dan ajaran sesat yang berkaitan. Mereka mengambil kesempatan dari beberapa penemuan dalam kajian angka pada zaman tersebut. Oleh itu, para penyelidik dan umat Islam seharusnya melihat kajian angka dalam Al-Quran dari perspektif Islam terlebih dahulu dan mengelak dari mengaitkannya dengan unsur luaran bagi menanggapi nilai mukjizatnya.

## CABARAN-CABARAN KAJIAN ANGKA DALAM AL-QURAN

Dalam sejarah perkembangan pemikiran manusia, adalah satu lumrah bila sesuatu idea baru tidak mudah diterima dan mendapat tentangan. Ia mungkin berpunca dari masyarakat yang belum memahami idea tersebut atau cara olahan idea itu sendiri belum tersusun. Begitulah juga cabaran yang diterima oleh kajian angka dalam Al-Quran. Antara cabaran yang dihadapi dalam mengketenahkan teori mukjizat angka Al-Quran adalah berikut:

### i. Kerangka Konsep dan Isu Berbilang Sudut *I'Jaz*.

Tahap pertama cabaran dari segi kerangka ialah teori mukjizat dan hubungan antara cetusan teori *i'jaz* dan teori *i'jaz 'adadi*. Kalimah mukjizat tidak disebut dalam nas al-

<sup>1</sup> [http://ar.wikipedia.org/wiki/الإعجاز\\_العَددي\\_في\\_القرآن](http://ar.wikipedia.org/wiki/الإعجاز_العَددي_في_القرآن) Semakan pada 20 Ogos 2013.

Qur'an atau hadis Rasulullah SAW. Ia adalah hasil wacana para ulama tentang cabaran al-Qur'an supaya manusia yang ingkar menirunya dan punca kegagalan mereka menirunya. Perbahasan itu telah mencetuskan konsep mukjizat dan unsur *i'jaz* dalam al-Qur'an. Dengan kata lain, manusia dan jin gagal meniru al-Qur'an kerana kitab itu mempunyai kekuatan dan kehebatan yang melemahkan makhluk menirunya. Kekuatan dan kehebatan itulah yang dinamakan mukjizat.

Dalam nas al-Qur'an dan hadis, istilah yang digunakan dengan maksud berkenaan adalah *ayah* (آية), *bayyinah* (بينة), *burhan* (برهان) dan *sultan* (سلطان). Kalimah *ayah* (آية) dan *ayat* (آيات) memberi erti tanda atau bukti. *Ayah* (آية) juga memberi maksud setiap satu dari ayat-ayat yang terdapat dalam al-Qur'an. Ini kerana setiap ayat al-Qur'an adalah bukti kebenaran Rasulullah SAW. Manakala *bayyinah* (بينة) pula bererti keterangan dan bukti. *Burhan* (برهان) pula bererti hujah dan bukti. Akhir sekali, *sultan* (سلطان) bererti kuasa dan bukti yang menyokong. Kalimah yang paling kerap digunakan merujuk kepada mukjizat para nabi adalah *ayah* (آية). Ia bermaksud bukti kenabian atau kebenaran risalah yang dibawa oleh nabi-nabi.<sup>1</sup> Namun, akhirnya teori dan konsep mukjizat serta *i'jaz* diterima oleh umat Islam.

**Tahap kedua** pula ialah soal kepelbagaian mukjizat. Setelah teori *i'jaz* diterima dan teori *sarfah* kaum Muktazilah ditolak, para ulama membincangkan *i'jaz* dari pelbagai aspek. Pada peringkat awal, kajian dan perbahasan tentang *i'jaz* tertumpu pada aspek *bayan* iaitu cara al-Qur'an menyampaikan mesej dan gaya bahasanya. Ia dikenali sebagai *i'jaz bayani*. Perbahasan itu memang sesuai dengan kecerdasan bahasa dalam kalangan masyarakat Arab ketika itu. Tambahan pula, mereka merupakan majoriti dalam kalangan sasaran awal dakwah Nabi Muhammad SAW. Fenomena ini telah berlangsung pada sekitar hujung abad kedua dan awal abad ketiga Hijrah.<sup>2</sup>

Bila zaman berkembang, kajian tentang *i'jaz* juga berkembang. Terdapat pengkaji yang memecahkan kajian *i'jaz* kepada 10 aspek dan ada pengkaji lain yang menghitungnya lebih banyak lagi. Terdapat juga pengkaji yang membataskannya

<sup>1</sup> Muṣṭafā Muslim, *Mabahith fi i'jaz al-Qur'an*, (Dimasyq: Dār al-Qalam, 2008), cet. ke-4, 17-18.

<sup>2</sup> *Ibid*, 17.



kepada satu aspek sahaja, mempertahankannya dan menolak aspek yang lain.<sup>1</sup> Mereka memberi fokus perbincangan *i'jāz* hanya kepada aspek *bayān* iaitu cara al-Qur'an menyampaikan mesej dan gaya bahasanya yang unggul.

Namun, kemunculan banyak kajian tentang pelbagai aspek *i'jāz* ini tidak dapat disekat hanya kerana ada pandangan yang cuba membatasikannya. Kajian *i'jāz* terus berkembang bermula dengan *i'jāz bayāni* atau *balaghī* hingga melahirkan pelbagai aspek *i'jāz* yang lain seperti *i'jāz ghaybi*, *ta'thīri*, *tasyrī'i*, *'ilmi (tajribi)*, *wajdani*, *'adadi* dan lain-lain. Situasinya sama seperti kemunculan disiplin-disiplin ilmu baru dalam pelbagai cabang ilmu.

## ii. Kaedah Pengiraan dan Konsistensi

Aspek paling penting dalam kajian angka ialah kaedah pengiraan, sama ada menghitung jumlah surah, ayat, kalimah dan huruf atau menghitung kedudukannya. Rata-rata penyelidik mempunyai kaedah pengiraan masing-masing yang mereka gunakan untuk menghasilkan bilangan. Isu-isu yang timbul dan dibahaskan banyak berkait dengan cara kiraan dibuat. Terdapat penyelidik yang mengubah-suai cara mengira kalimah dan menghitung huruf demi memenuhi teori yang mereka percaya.<sup>2</sup> Ia menggambarkan sifat berlebihan dan kurang sihat yang disebut sebagai *takalluf*, *ta'assuf* apatah lagi atau *taqawwul* (mengada-ada atau memandai-mandai).

Sebagai contoh, pengiraan kalimah bergantung kepada terminologi kalimah yang digunakan oleh penyelidik. Kalimah atau unsur percakapan dalam Bahasa Arab yang menjadi bahasa al-Qur'an dibahagikan tiga kategori iaitu kata nama, kata kerja dan *harf* (huruf). Bagi dua kategori; kata nama dan kata kerja, hitungan boleh dibuat dengan mudah kerana satu kalimah (untuk kata nama dan kata kerja) dieja dan ditulis secara berasingan dari kalimah lain. Persoalan yang timbul adalah pada hitungan *harf*. *Harf* tidak dapat diterjemah dengan mudah sebagai huruf kerana *harf* dalam konteks tatabahasa Arab mungkin terdiri dari beberapa huruf. Ada *harf* yang merupakan satu huruf seperti *harf jarr* "*lam*" (ل) atau *harf 'ataf* "*waw*" (و). Ada pula yang terdiri dari beberapa huruf seperti *'ala* (على) dan *fi* (في).

<sup>1</sup> *Ibid*, 113.

<sup>2</sup> Mujahid Mustafa Bahjat & Firās Ghānim Aḥmad, *Nazarīyah al-'Ijāz al-'Adadi Bayna al-Qudāma wa al-Muhaddithin (Dirasah wa Tahlil)*, (UAE: Majallah Jami'ah al-Syariqah, 2012), 9: 1: 13.

Namun, isu hitungan *harf* ini dianggap selesai bagi penyelidik yang mengira setiap *harf* yang terdiri dari beberapa huruf sebagai satu kalimah. Manakala *harf* yang merupakan satu huruf sahaja dikira bersama kalimah (kata nama atau kata kerja) yang bersambungan dengannya. Ia dapat dilihat dengan mudah berdasarkan rasm ayat (cara kalimah-kalimah ditulis). Mushaf moden hari ini menggunakan kaedah ini, sama seperti kaedah penulisan bahasa Arab moden.

Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian yang tidak konsisten dengan satu cara pengiraan. Ia mengira “waw” sebagai satu kalimah pada sesetengah keadaan untuk mendapatkan hasil yang dikehendaki.<sup>1</sup>

### iii. Struktur al-Qur'an, Perbezaan Angka dan Bilangan

Masyarakat Islam mengetahui bahawa al-Qur'an mengandungi 114 surah, 30 juzuk dan 6 ribu lebih ayat (atau 6,236 ayat). Namun, sebenarnya terdapat perbezaan pendapat dan riwayat tentang angka dan bilangan-bilangan ini. Ini menjadikan perbincangan tentang angka dan bilangan dalam al-Qur'an perlu mengambil kira hakikat ini.

Setakat ini, jalan keluar yang digunakan oleh para penyelidik angka adalah menisbahkan kajian angka mereka pada mushaf tertentu, qiraat tertentu dan pendapat tertentu. Soal kiraan dan bilangan yang berbeza pada mushaf lain, qiraat lain dan pendapat lain dianggap sebagai keperluan untuk kajian akan datang.<sup>2</sup> Berikut adalah perincian isu struktur:

#### a. Bilangan ayat

Bilangan ayat al-Qur'an berkait rapat dengan ilmu *fawasil*. Ia adalah ilmu yang membincangkan tempat berhenti bacaan berdasarkan bacaan malaikat Jibril AS ketika menyampaikannya kepada Rasulullah SAW. Tempat berhenti membaca itu menentukan bahawa bacaan itu menjadi satu ayat.

Walaupun ia bersifat *tawqifi* (ditentukan oleh nas), namun terdapat perbezaan pendapat (*khilaf*) mengenai beberapa puluh *fasil* ayat. *Khilaf* inilah yang menghasilkan perbezaan jumlah ayat al-Qur'an di kalangan ulama 'adad pada beberapa surah dan seterusnya jumlah keseluruhan ayat al-Qur'an. Terdapat tujuh bilangan berbeza berdasarkan riwayat negeri iaitu 6217 (menurut kiraan pertama para qari

<sup>1</sup> *Ibid*, 12 dan 'Abd al-Da'im al-Kahil, *Isyraqat al-Raqm al-Sab'ah fi al-Qur'an al-Karim*, (Dubai: Ja'izah Dubay al-Duwaliyyah li al-Qur'an al-Karim, 2006), 46.

<sup>2</sup> Reaksi oleh Muhammad bin Jamil al-Wahidi, dalam The 3rd International Conference on Numerical Miracles in the Qur'an. 22 September 2012.

Madinah - *Madani Awwal*), 6214 (menurut *Madani Akhir*), 6210 (menurut *Makki*), 6204 (menurut *Basriyyun*), 6226 (menurut *Dimasyqi*), 6232 (menurut *Himsi*) dan 6236 (menurut *Kuffi*).<sup>1</sup>

Ini menjadikan data mengenai bilangan ayat al-Qur'an tidak bersifat *qat'i*. Oleh itu, bagi para pengkritik kajian angka, apa-apa huraian berdasarkan jumlah ayat sesuatu surah yang diperselisihkan tidak dapat dijadikan sandaran untuk sesuatu isu. Begitu juga kajian mengenai kedudukan angka sesuatu ayat al-Qur'an yang dikira dari permulaan al-Qur'an tidak dapat dijadikan sandaran yang pasti untuk kajian angka. Bilangan atau kedudukan ayat hanya boleh dijadikan sandaran pada surah yang mempunyai jumlah ayat (serta *fawasil*) yang tidak diperselisihkan.

### b. Susunan

Susunan surah dan ayat dalam al-Qur'an adalah bersifat *tawqifi*. Semua kedudukan surah dan ayat telah disusun dalam mushaf berdasarkan penentuan yang dikhabarkan oleh Jibril a.s. kepada Rasulullah SAW termasuk pada dua kali semakan terakhir pada tahun kewafatan baginda SAW.<sup>2</sup> Walaupun terdapat pandangan bahawa surah-surah al-Anfal, al-Tawbah dan Yunus disusun berdasarkan ijtihad 'Uthman, namun ia telah menjadi ijma' apabila para sahabat meninggalkan susunan peribadi mereka yang berbeza dan berpegang dengan mushaf susunan 'Uthman.<sup>3</sup>

Oleh itu, dalam konteks ini tidak timbul pertikaian tentang susunan surah atau ayat. Cuma kedudukan susunan ayat lebih kuat kerana tiada *khilaf* mengenainya. Ia tidak sama dengan isu bilangan ayat yang tertakluk kepada perbahasan tentang *fawasil*.

### c. Qiraat

Al-Qur'an mempunyai 10 qiraat atau cara bacaan yang berbeza. Perbezaan qiraat ini turut memberi kesan kepada aspek pengiraan dalam al-Qur'an, khususnya aspek bilangan huruf dan kalimah.

Sama seperti isu dalam kiraan bilangan kalimah al-Qur'an, bilangan huruf akan berbeza antara satu qiraat dengan qiraat yang lain. Walaupun kiraan dibuat

<sup>1</sup> 'Abd al-Fattah al-Qadi, *Nafa'is al-Bayan Syarh al-Fara'id al-Hisan fi 'Add Ay al-Qur'an*, (Madinah: Maktabah al-Dar, 1975), 6-7.

<sup>2</sup> Al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad bin 'Abd Allah, *al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an* (t.tp: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah 'Isa al-Babi al-Halabi wa Syurakah, 1957), 1: 259.

<sup>3</sup> Al-Zarqani, Muhammad bin 'Abd al-'Azim, *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Qur'an*, Matba'ah 'Isa al-Babi al-Halabi, t.th), cet 3, 1: 356-358.

berdasarkan mushaf ‘Uthmani, namun mushaf itu sendiri terdiri dari beberapa naskah yang berbeza pada beberapa kalimah berdasarkan perbezaan qiraat yang diriwayatkan dari Rasulullah SAW. Perbezaan ini akan melibatkan pertambahan huruf (seperti huruf “*alif-madd*”), pengurangan huruf (seperti huruf “*hamzah*” yang dihapus dalam qiraat tertentu) dan penukaran huruf (seperti huruf “*ṣād*” kepada “*sin*”).

Sebagai contoh, kajian angka yang menemui bahawa ada 34 huruf *tā’* (ت) dalam surah Nuh. Bilangan ini terhasil berdasarkan riwayat Ḥafs dan yang serupa kerana mereka membaca *khatī’atihim* (خطيتاهم) dalam ayat 25 dengan *tā’*, sedangkan riwayat Abu ‘Amr membacanya *khatayahum* (خطاياهم) dengan menambah satu *alif* dan membuang *hamzah* dan *tā’*. Ini menjadikan jumlah *tā’* dalam surah Nuh ini 33,<sup>1</sup> bukan 34. Jumlah ini berdasarkan perbezaan qiraat yang tidak menambah kalimah. Jika perbezaan qiraat melibatkan penambahan kalimah, tentulah lebih banyak perbezaan bilangan huruf.

#### d. ‘Juzu’

Juzu’ al-Qur’an juga dilibatkan dalam kajian angka oleh sesetengah penyelidik. Sedangkan ia adalah susunan yang dibuat oleh para ulama untuk memudahkan khatam Al-Quran di dalam bulan Ramadhan.<sup>2</sup> Ia bukan penentuan dari Allah SWT atau rasul-Nya SAW. Justeru, data dan penemuan berdasarkan bilangan dan kedudukan juzuk tertentu dalam al-Qur’an tidak dapat memberi nilai kemukjizatan dan ketuhanan lantaran ia adalah rekaan manusia.

Paling jauh pun, faktor *tawfiqi* sahaja yang dapat memberikan nilai padanya. Ia bermaksud kesepakatan di kalangan ulama untuk mengguna-pakai kaedah pembahagian 30 juzu’ al-Qur’an adalah suatu hikmah yang diilhamkan oleh Allah SWT. Namun, hakikatnya umat Islam tidak terikat dengan pembahagian 30 juzu’ berbanding pembahagian 114 surah yang memang ditentukan oleh Allah SWT sendiri.

#### i. Kurang Dukungan Pakar Bidang

<sup>1</sup> Ahmad Khalid Syukri, *Maqulah al-I’jaz al-‘Adadi Dirasah Naqdiyyah*, 3-4; dalam Multaqa Rabitah al-Wahah al-Thaqafiyah, <http://www.rabitat-alwaha.net/moltaqa/showthread.php?t=20915>

<sup>2</sup> Musā’id bin Sulaymān al-Tayyār, *al-Muḥarrir fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, (T.tp: Markaz al-Dirāsāt wa al-Ma’lūmāt al-Qur’āniyyah bi Ma’had al-Imām al-Syāṭibi, 2008), 248.

Salah satu cabaran utama adalah kurangnya dukungan para sarjana yang pakar dalam bidang. Kajian angka dalam al-Qur'an sepatutnya melibatkan dua golongan pakar iaitu pakar tentang al-Qur'an dan pakar tentang angka dan kiraan seperti bidang matematik. Ia boleh berlaku dengan gabungan dua ilmu pada seorang individu atau gabungan dua kumpulan penyelidik.

Namun, kebanyakan penyelidik dan pendukung mukjizat angka bukan dari bidang berkenaan. Sebaliknya, kebanyakan pendukung adalah di kalangan jurutera, khususnya dan saintis amnya. Dari satu aspek, bidang kejuruteraan dan sains secara umumnya turut melibatkan komponen matematik, menggunakan pengiraan dan angka. Selain itu, bidang kejuruteraan juga melibatkan susunan dan keseimbangan. Namun, penglibatan pakar matematik (jika ditemui) tentu akan membawa erti yang lebih besar.

Latar belakang para pengkaji mukjizat angka didapati tidak melibatkan pakar bidang pengajian Al-Quran dan matematik secara spesifik. Sebagai contoh, tokoh awal dan orang pertama menggunakan istilah mukjizat angka, Abd Razzāq Nawfal, adalah seorang graduan bidang pertanian. Namun, beliau berkecimpung dengan pengajian al-Qur'an secara tidak formal selepas itu.<sup>1</sup> Rashad Khalifa (1935-1990) pula adalah seorang ahli biokimia. 'Adnān al-Rifa'i<sup>2</sup> (lahir 1961) pula adalah seorang graduan bidang kejuruteraan awam.

Penyelidik semasa yang banyak membuat kajian angka dan menerbitkan buku berkaitannya pula adalah Abdullah Jalghoum, seorang pegawai pendidikan yang bukan berlatar belakang bidang al-Qur'an.<sup>3</sup> 'Abd al-Da'im al-Kahil pula seorang

<sup>1</sup> Majalah al-Wā'y al-Islami, Kementerian Wakaf & Hal Ehwal Islam Kuwait, <http://www.alwaei.com/site/index.php?CID=97>. Tarikh: 7 Oktober 2013.

<sup>2</sup> Antara karyanya: *al-Mu'jizah dan Ihda al-Kubar Nazariyyah Qur'aniyyah fi Mu'jizah Ihda al-Kubar Mu'jizah al-Adad 19 Tu'rad li Awwal Marrah fi al-Alam*.

<sup>3</sup> Dalam termuramah bersamanya, beliau menjelaskan bahawa antara titik tolak penglibatannya dalam kajian angka adalah kejutan selepas membaca buku agama yang menyentuh perbezaan pendapat tentang bilangan ayat surah al-Baqarah sama ada 286, 287 atau 285 ayat.

Yahya al-Saqqaf, Laman sesawang Al-Arqam Abhath wa Dirasat 'an al-Arqam, [www.alargam.com/sorts/jalghoom/16.htm](http://www.alargam.com/sorts/jalghoom/16.htm) 10 Oktober 2013.

jurutera<sup>1</sup>, 'Ubayd Sulayman<sup>2</sup> pula adalah seorang jurulatih berlatar belakang sarjana muda dari Fakulti Sains Kemanusiaan, University of Emirates. Muḥammad Zaki Muḥammad Khazar<sup>3</sup> pula berlatar belakang bidang elektronik. Manakala Caner Taslaman<sup>4</sup>, seorang profesor di Turki dengan latar belakang sains dan falsafah.

Analisis latarbelakang penyelidik ini bukan bermaksud membataskan autoriti mengkaji al-Qur'an pada pakar bidang sahaja. Bahkan, pandangan baru yang memperkaya khazanah ilmu mengenai al-Qur'an adalah sangat dialu-alukan. Namun, kekurangan pengetahuan mengenai al-Qur'an dan *'ulum al-Qur'an* mungkin mendorong kesilapan dalam membuat hitungan dan kesimpulan penting. Pada masa yang sama, dukungan dari pakar bidang akan memudahkan penerimaan dan memastikan kajian yang dibuat tidak menolak perkara-perkara asas yang telah disepakati oleh para ulama berkenaan al-Qur'an. Begitu juga kepakaran dalam matematik dan statistik. Boleh jadi, penemuan angka yang dianggap menakjubkan dalam al-Qur'an, adalah perkara normal dalam ilmu angka, kriptologi dan sistem nombor. Dengan kata lain, apa yang menjadi titik ketakjuban dalam sesetengah penemuan tertentu sebenarnya adalah pada sistem nombor, bukan konteksnya dalam al-Qur'an.

Malangnya, penglibatan kalangan pakar yang lebih signifikan iaitu bidang al-Qur'an dan matematik dalam mendukung konsep mukjizat angka adalah amat minima. Pakar-pakar dalam bidang al-Qur'an yang merangkumi alim tentang sejarah al-Qur'an, mahir dalam bahasa Arab, cara bacaan dan penafsiran al-Qur'an didapati terlibat dalam beberapa siri wacana dan seminar berkaitan kajian angka Al-Quran. Namun, penglibatan mereka dalam penulisan dan perbincangan banyak berbentuk penilaian, kritikan atau penolakan konsep mukjizat angka. Bukan mendukung atau menjalankan penyelidikan terhadap yang menghasilkan penemuan-penemuan angka.

---

<sup>1</sup> Antara karyanya adalah *Mawsu'ah al-I'jaz al-Raqami*. <http://www.kaheel7.com/ar/index.php/2010-02-02-22-46-15/91-2010-02-27-02-03-52>. Tarikh: 18 Oktober 2013.

<sup>2</sup> Beliau merupakan penyelidik dan jurulatih mukjizat angka. Antara karyanya: *33 Iktisyafan fi I'jaz al-'Adad al-Qur'ani*. Beliau merupakan setiausaha Biro Penilaian Kajian Angka, kaunselor di Jabatan Strategik, International Arab Academy for Training and Development (IAATD), New York.

<sup>3</sup> Profesor di University of Jordan. Antara karyanya: *The General Rules of The Numerical Miracle of Al-Qur'an*.

<sup>4</sup> Pengarang buku *The Al-Qur'an Unchallengeable Miracle* yang turut memuatkan penemuan angka dalam bukunya. Terjemahan oleh Ender Gurol, terbitan Nettleberry/Citlembik Publications. Buku asal dalam bahasa Turki.

Sebagai contoh, Mujahid Bahjat, profesor dalam pengajian Al-Qur'an & Tafsir<sup>1</sup>, menulis artikel jurnal berjudul *Nazariyyah al-I'jaz al-'Adadi Bayna al-Qudama wa al-Muhaddithin (Dirasah wa Tahlil)* (2012). Beliau mengkritik beberapa aspek amalan para penyelidik kajian angka seperti kaedah kiraan yang tidak konsisten. Manakala Abu Ameenah Bilal Philips<sup>2</sup> pula adalah berlatar belakang sarjana muda Usuluddin dan sarjana Falsafah Islam. Beliau menulis buku *The Quran's Numerical Miracle: Hoax and Heresy*. Tajuknya sahaja sudah menggambarkan kritikan kepada mukjizat angka. Ahmad Khalid Syukri pula adalah profesor pengajian Islam di University of Emirates yang menulis kritikan terhadap kajian angka.<sup>3</sup> Artikelnya berjudul *Maqulah al-I'jaz al-'Adadi Dirasah Naqdiyyah* () dimuatkan di laman *Multaqa Rabitah al-Wahah al-Thaqafiyah*.

Sarjana bidang pengajian Islam yang ketara mendukung idea mukjizat angka ialah Bassam Nihad Jarrar dan Hasan al-'Abadilah. Bassam adalah graduan bidang syariah dari Palestin yang banyak menulis tentang mukjizat angka dan dimuatkan di laman web Markaz Noon.<sup>4</sup> Manakala Hasan 'Abd al-Jalil 'Abd al-Rahim 'Aliyy al-'Abadilah adalah profesor (madya) dalam bidang ulum al-Qur'an Universiti Balqa', Jordan. Beliau menulis artikel jurnal *Ta'sil Fikrah al-I'jaz al-'Adadi fi al-Qur'an al-Karim*, dalam *Majallah al-Jami'ah al-Islamiyyah*.<sup>5</sup>

Secara keseluruhannya, konsep mukjizat angka belum mendapat dukungan secukupnya dari pakar dalam bidang pengajian Al-Quran. Sebaliknya, ia banyak didukung oleh penyelidik dari pelbagai bidang lain, kebanyakannya adalah jurutera.

## ii. Terpa'lit dengan Ajaran Sesat dan Agama Lain

Aspek yang lebih memberi kesan negatif dan menjadi cabaran utama kepada gagasan mukjizat angka adalah keterkaitannya dengan ajaran sesat. Ini kerana aspek pengiraan dalam al-Qur'an telah dimanipulasi oleh kumpulan-kumpulan tertentu, khususnya gerakan al-Babiyyah dan lanjutannya Bahai (al-Baha'iyah) untuk menyesatkan

<sup>1</sup> Seorang profesor dan fellow penyelidik di Universiti Malaya. <http://umexpert.um.edu.my>

<sup>2</sup> Seorang pendidik di Riyadh High School.

<sup>3</sup> Multaqa Rabitah al-Wahah al-Thaqafiyah, <http://www.rabitah-alwaha.net/moltaqa/showthread.php?t=34525>. Tarikh: 21 Mei 2012.

<sup>4</sup> Laman Nun li al-Abhath wa al-Dirasat al-Qur'aniyyah, <http://www.islamnoon.com>

<sup>5</sup> Laman al-Jami'ah al-Islamiyyah Ghazzah, <http://www.iugaza.edu.ps/ar/periodical>

manusia. Gerakan ini yang bermula dengan 18 orang pengikut memuja nombor 19 lalu diadunkan dengan kaedah kiraan nilai huruf Yahudi (*Hisab Jummal*) kemudian menghubungkannya dengan segala perkara yang berkaitan dengan Mirza Ali Muhammad, pengasas kumpulan ini (seperti tarikh lahir beliau, iaitu 1819M).<sup>1</sup> Nombor 19 telah dijadikan asas untuk mendakwa kebenaran dan keistimewaan ajaran baru mereka yang dipesongkan dari ajaran Islam yang asal sehingga ke tahap mengubah kalendar setahun dari 12 bulan kepada 19 bulan.<sup>2</sup>

Kumpulan yang lahir pada era kolonial ini ditaja pula oleh penjajah Rusia dan British yang berdepan dengan umat Islam di Iran untuk menyekat dan melemahkan mereka. Antara pendekatan ajaran mereka adalah menghubungkaitkan kiraan angka-angka ini dengan al-Qur'an.<sup>3</sup>

Oleh itu, kebanyakan pandangan, kajian dan komentar di peringkat awal (seperti Mustafa 'Umar 'Aliyy al-Kindi<sup>4</sup> Abu Ameenah Bilal Philips<sup>5</sup>) bersifat mengkritik keras dan menolak kajian angka. Apatah lagi, apabila terdapat kesilapan dan kelemahan dalam kiraan dan asas penemuan angka.

### iii. Penyelewengan Dalaman

Seiringan dengan ajaran sesat dan pengaruh agama lain, cabaran terhadap kajian angka juga ialah penyelewengan dalaman. Ia bermaksud penyelewengan yang dilakukan oleh penyelidik Muslim sendiri tanpa melibatkan pengaruh luar. Antaranya ialah isu ramalan, mengangkat diri atau mazhab.

- a. Terdapat penyelidik angka mengaitkan penemuan mereka dengan sesuatu ramalan.

Ramalan yang sering ditonjolkan dari penemuan angka adalah tentang tarikh

---

<sup>1</sup> Husayn Naji Muhammad Muhyi al-Din, *Tis'ah 'Asyar Malakan 'Ard li al-Tawa'if al-Kharijah 'Ala al-Islam Qadiman wa Hadithan wa li al-Baha'iyyah al-Lati Tuqaddis al-Raqam 19* (Qahirah: al-Zahra' li al-'Ilam al-'Arabi, 1984), 34-36.

<sup>2</sup> Mahmud Thabit al-Syadhili, *al-Baha'iyyah: Salibiyyah al-Ghary, Isra'iliyyah al-Tawjih*, (Qāhirah: Maktabah Wahbah, 1990), 58.

<sup>3</sup> 'Alwi bin 'Abd al-Qādir al-Saqqāf et.al, *Mawsū'ah al-Firaq al-Muntasibah li al-Islām*, t.tp: Mawqī' al-Durar al-Saniyyah 'alā al-Intarnat, 1433H), 10: 5.

<sup>4</sup> Mustafa 'Umar 'Aliyy al-Kindi, *Dirasat fi al-I'jaz al-'Adadi Bayn al-Madi wa al-Hadir fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah*, (Makkah al-Mukarramah: Universiti Umm al-Qura, 1989).

<sup>5</sup> Abu Ameenah Bilal Philips, *The Quran's Numerical Miracle: Hoax and Heresy*, (Riyadh: Al Furqan Publications, 1987).



berlakunya kiamat.<sup>1</sup> Terdapat juga ramalan tarikh berlakunya peristiwa besar dibuat berdasarkan kajian angka seperti pembebasan Baitul Maqdis ke tangan kaum Muslimin pada era Salahuddin al-Ayyubi<sup>2</sup> dan kejatuhan kerajaan Israel pada abad ini<sup>3</sup>. Persoalan yang menjadi perbahasan adalah soalan meramalkan sesuatu, sedangkan kejadian masa depan hanya adalah sebahagian dari perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah Luqman, ayat 34:

{ إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنزِلُ الْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْحَامِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ مَّاذَا تَكْسِبُ  
عَدَا وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ }

Maksudnya: “Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang hari kiamat, dan Dia-lah jua yang menurunkan hujan, dan yang mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada dalam rahim (ibu yang mengandung). Dan tiada seseorang pun yang betul mengetahui apa yang akan diusahakannya esok (sama ada baik atau jahat); dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui di bumi negeri manakah ia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi amat meliputi pengetahuan-Nya.”

b. Tindakan mengangkat diri pula seperti menonjolkan kelebihan seseorang atau kekeramatannya. Puncaknya adalah dakwaan sebagai nabi atau rasul utusan Tuhan. Selain dari kelompok ajaran sesat yang jelas, Rashad Khalifa (yang meramalkan kiamat) juga mendakwa dirinya sebagai rasul. Beliau mendakwa bahawa namanya,

<sup>1</sup> Rashad Khalifa telah meramalkan dengan pasti bahawa kiamat akan berlaku pada tahun 2280 M. Rashad Khalifa, *The Computer Speaks: God's Message To The World* (Arizona USA: Renaissance Productions, 1981), 207.

<sup>2</sup> Pada tahun 520 H, Ibn Burjān telah meramalkan bahawa Salahuddin akan menakluk Baitul Maqdis pada bulan Rajab tahun 579 H berdasarkan pengamatannya terhadap surah al-Rum. Ahmad Khalid Syukri, Maqulah al-I'jaz al-'Adadi Dirasah Naqdiyyah, *al-Majallah al-Urduniyyah fi al-Dirasat al-Islamiyyah* (Mafraq: 2007), 3: 3: 2.

<sup>3</sup> Kejatuhan negara Israel diramalkan akan berlaku pada tahun 2022 Masihi. Ia adalah hasil kiraan terhadap ayat-ayat al-Qur'an tentang Bani Isra'il di awal surah al-Isra'. Ramalan oleh Syaykh Ahmad al-Syaymi, <http://forum.sh3bwah.maktoob.com/t39882.html>, Tarikh: 25 Oktober 2013.

Juga oleh Bassam Nihad Jarrar, Zawal Isra'il 'Am 2022 Masihi Nubu'ah Am Sudaf Raqmiyyah (Lubnan: Dar al-Biqā' al-Hadithah, 1995).

Satu lagi buku yang meramalkan peristiwa yang sama adalah Basyir al-Burghuthi (2000), Zawal Isra'il Hatmiyyah al-Tarikh Dirasah Muqaranah, 'Amman: Dar Zahran.

'Rashad' telah disebut dalam al-Qur'an sebanyak 19 kali.<sup>1</sup> Beliau juga menjadikan penemuan kod 19 dan kajian angkanya sebagai mukjizatnya yang lebih hebat dari mukjizat Nabi Musa dan Dakwaan ini tentu sekali bercanggah dengan konsep *khatam al-anbiya'* bagi Nabi Muhammad SAW yang sudah jelas dalam akidah Islam.

- c. Percubaan mengangkat mazhab adalah seperti dilakukan oleh seorang penyelidik bermazhab Syiah Imamiyyah yang mendakwa bahawa akidah tentang 12 orang imam telah dibuktikan secara kiraan dalam al-Qur'an. Mereka mendakwa kalimah imam di dalam al-Qur'an telah diulang sebanyak 12 kali.<sup>2</sup> Ini menunjukkan bahawa kepercayaan terhadap konsep itu bukan rekaan ulama syiah, tetapi suatu perkara yang telah diisyaratkan oleh al-Qur'an. Namun, semakan semula terhadap al-Qur'an mendapati bahawa kalimah imam hanya diulang sebanyak 7 kali (iaitu dalam surah-surah al-Baqarah, 124; Hud, 17; al-Hijr, 79; al-Isra', 71; al-Furqan, 74; Yasin, 12; dan al-Ahqaf, 12). Itu belum mengambil kira maksud imam dalam ayat yang berbeza-beza. Ada yang bermaksud pemimpin, kitab catatan dan panduan. Kalimah imam itu hanya menjadi 12 apabila dicampur dengan kata jamaknya, *a'immah* (أئمة) yang disebut sebanyak 5 kali (iaitu dalam surah-surah al-Tawbah, 12; al-Anbiya', 73; al-Qasas 5, 41; dan al-Sajdah, 24).

## KESIMPULAN

Sebahagian penemuan kajian angka memang mempunyai nilai tertentu yang menunjukkan keistimewaan dan keajaiban al-Qur'an. Oleh itu cabaran-cabaran yang telah dibincangkan perlu ditangani bagi memastikan penemuan-penemuan yang bernilai tidak terbuang hanya kerana beberapa pertikaian dan kelemahan dalam mempersembahkannya. Sebahagian dari cabaran itu akan dapat diatasi apabila kritikan diambil kira dan pengamatan yang lebih selektif dilakukan oleh para penyelidik angka yang objektif.

Jika semua cabaran tadi dapat diatasi, maka masa depan gagasan mukjizat angka yang lebih baik akan dapat dilihat oleh generasi akan datang. Dalam konteks ini,

<sup>1</sup> Laman Arab Times, <http://www.arabtimes.com/this%20man/rashad.htm>, Tarikh: 25 Oktober 2013.

<sup>2</sup> Laman Multaqa Ahl al-Tafsir, <http://vb.tafsir.net/tafsir6537/>, Tarikh: 25 Oktober 2013.

pengalaman yang dilalui mukjizat saintifik wajar dimanfaatkan. Ia berjaya menjadi salah satu cabang ilmu dalam tafsir al-Quran setelah kematangan.